



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 4 NOVEMBER 2018**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	NAJIB TEGUR PETANI NELAYAN DIABAI,DLM NEGERI, UTUSAN - 8 'LANGSUNG TAK SEBUT PESAWAH, PETANI DAN NELAYAN,SINAR-4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	NELAYAN TIDAK DIBELA?DLM NEGERI,UTUSAN-4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	SAYA MALAS MAKAN GAJI, SETEMPAT,HMETRO-3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2018	UTUSAN	DLM NEGERI	8

## Najib tegur petani, nelayan diabai

**KUALA LUMPUR 3 Nov.** - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kecewa dengan pembentangan Belanjawan 2019 semalam yang langsung tidak menyebut peruntukan untuk pesawah, petani, peladang dan nelayan.

Kata Najib, Felda hanya disebut sekali dan itu pun hanya untuk peruntukan RM295 juta bagi menaik taraf jalan, projek sistem bekalan air dan memasang lampu.

Menurut beliau, bagi sektor pertanian secara keseluruhan, Kerajaan Pakatan

**H a r a p a n** (PH) hanya menyebut peruntukan berjumlah RM47 juta untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D)



**NAJIB TUN RAZAK**

produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan, RM18 juta lagi untuk automasi industri agromakanan dan RM52 juta untuk pelaksanaan program keusahawanan dan latihan industri tani.

“Ini jauh berbeza dengan Bajet 2018 kerajaan Barisan Nasional di mana kita memberi RM6.5 bilion kepada kelompok pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah termasuk RM2.3 bilion bagi bantuan dan insentif seperti baja dan input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil, getah dan nelayan.” katanya menerusi hantaran dalam Facebook hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2018	SINAR	BAJET 2019	4

## PEMBENTANGAN BAJET 2019

### 'Langsung tak sebut pesawah, petani dan nelayan'

**KUALA LUMPUR** - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengkritik Belanjawan 2019 yang langsung tidak menyentuh soal golongan pesawah, petani, peladang dan nelayan.

Katanya, teks ucapan belanjawan itu juga hanya sekali menyebut tentang Felda dan peruntukan RM295 juta diberikan bagi menaiktaraf jalan, projek sistem bekalan air serta memasang lampu.

"Ini jauh berbeza dengan Bajet 2018 kerajaan BN, kita

beri RM6.5 bilion kepada kelompok pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah, termasuk RM2.3 bilion bagi bantuan dan insentif seperti baja dan input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil, getah dan nelayan," katanya.

Mengulas lanjut, Najib berkata, kerajaan PH perlu menjawab secara spesifik apakah bantuan yang disediakan tahun depan bagi kumpulan tersebut termasuk bantuan sara hidup.

**Belanjawan 2019 MENJAMIN KEBAJIKAN & KUALITI**

### BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

 <p><b>BANTUAN RM1,000</b></p> <p>Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah</p>	 <p><b>BANTUAN RM750</b></p> <p>Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,001 hingga RM3,000</p>
 <p><b>BANTUAN RM120</b></p> <p>Untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak</p>	 <p><b>BANTUAN RM500</b></p> <p>Secara one-off bagi pesara kerajaan dengan pencen kurang daripada RM1,000</p>

Kecewa tidak ada bantuan secara khusus

## Nelayan tidak dibela?

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
dan TOREK SULONG  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 NOV.

**P**ARA nelayan khususnya di Terengganu dan Kelantan tertanya-tanya mengenai nasib mereka apabila Belanjawan 2019 yang dibentangkan semalam, langsung tidak menyentuh pembelaan terhadap golongan itu.

Di **KUALA TERENGGANU**, Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu) mahu kerajaan menjelaskan sama ada segala bentuk bantuan dan kemudahan yang dinikmati nelayan selama ini diteruskan atau dihentikan.

Pengerusinya, Mat Yassim Mohamed (**gambar**) berkata, sehingga kini mereka masih tertanya-tanya kedudukan sebenar membabitkan elaun sara hidup di samping subsidi diesel dan petrol kerana perkara tersebut langsung tidak disentuh dalam pembentangan Belanjawan 2019 oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) semalam.

Katanya, separuh daripada kira-kira 10,000 nelayan di negeri ini masih memerlukan segala bantuan tersebut bagi membantu meringankan beban mereka terutama, dalam menghadapi musim tengkujuh bermula bulan ini hingga Februari tahun depan.

"Tidak dinafikan seluruh nelayan terkesan dan kecewa kerana saban tahun kita menantikan pembentangan belanjawan kerajaan tetapi kali



Tidak dinafikan seluruh nelayan terkesan dan kecewa kerana saban tahun kita menantikan pembentangan belanjawan kerajaan tetapi kali ini kita tidak mendengar apa-apa berita gembira."

**MAT YASSIM  
MOHAMED**

ini kita tidak mendengar apa-apa berita gembira," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Penentu memiliki kira-kira 8,000 ahli berdaftar daripada keseluruhan 10,000 nelayan di seluruh negeri ketika ini.

Di **PASIR PUTEH**, lebih 2,000 nelayan di jajahan ini dan Bachok terkilang apabila mereka tidak menerima sebarang pembelaan khusus dalam Belanjawan 2019.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Semarak, Zahari Samat berkata, rata-rata nelayan di negeri ini masih memerlukan bantuan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang diperkenalkan kerajaan terdahulu.

"Adalah amat mengecewakan apabila mendapat tahu Belanjawan 2019 tidak menyebut sebarang bentuk bantuan kepada golongan nelayan secara

khusus. Kerajaan pandang kami seolah-olah tidak wujud," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Pengerusi PNK Bachok, Mohd. Saripudin Ishak pula berkata, lebih separuh daripada nelayan di kawasan tersebut menerima ESHN sebelum ini dan kesempitan hidup mereka tidak sepatutnya dipandang sepi oleh kerajaan.

"Jangan anggap kami sebagai masyarakat kelas ketiga. Kami mengharapkan kerajaan berbuat sesuatu untuk meningkatkan hasil pendapatan dan membebaskan nelayan daripada belunggu kemiskinan.

"Tanpa elaun sara hidup, nelayan yang menghadapi fenomena laut bergelora bermula bulan ini hingga Mac tahun depan menghadapi kesusahan kerana hilang terus punca pendapatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2018	HMETRO	SETEMPAT	3

**“Secara purata, sebanyak 300 hingga 400 ekor kambing dan bebiri boleh dijual manakala bagi pembiakan pula, saya mempunyai 70 ekor kambing dan bebiri untuk dibiakkan**  
*Hisyamuddin Mohamad*

04-11-2018

**setempat 3**







**‘SAYA MALAS MAKAN GAJI’**  
**■ Remaja berhenti belajar jadi penternak**

**Alat Sharif**  
news@nsp.com.my

**Di** saat rakan sebayanya lebih memilih untuk bekerja dengan makan gaji atau mencari pekerjaan yang lebih *glamorous* seorang pemuda, Hisyamuddin Mohamad, 22, lebih senang bergelumang di bawah terik mentari dengan menjadi penternak kambing dan bebirinya.

Disebabkan minatnya untuk menjadi usahawan tani

**“**Terus terang saya katakan, saya sudah mual minal untuk bekerja dan saya tidak lagi berminat untuk belajar menyebabkan saya mengambil keputusan untuk berhenti belajar dari universiti.

“Ditambah pula, saya malas untuk makan gaji dan bermula pada saat itu saya cuba menceburkan diri dalam bidang perniagaan yang lain secara kecil-kecilan sehinggalah saya merasakan usaha penternakan kambing dan bebiri ini mampu menghasilkan pulangan yang lumayan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Metro Ahad ketika ditemui di ladang penternakannya di Desa Kuala Malau, di sini.

Anak bongsu daripada empat adik beradik itu pernah berniaga aksesori telefon kecil-kecilan secara dalam talian ketika usianya 15 tahun dan selepas setahun, dia mampu berikari dengan mendapatkan barangan aksesori itu sendiri dari negara China.

Hisyamuddin berkata sebelum menjadi penternak kambing dan bebiri, dia menyertai Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lubu Batu, Malau, dekat sini selama lapan bulan.

“Di situlah saya belajar melihat cara penternakan kambing dan bebiri dengan betul dan selepas itu saya mengambil keputusan untuk mengerjakan penternakan berkenaan di sebidang tanah milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah berkeluasan lima hektar

“Terdapat dua kandang kambing dimana penternakan dilakukan

secara filot. Satu untuk transit (dijual) dan satu lagi adalah untuk pembiakan,” katanya.

Beliau berkata rutin harian kerja penternakan bermula pada 8.30 pagi hingga lewat petang.

“Saya menggunakan wang yang saya kumpul selama ini dimana saya bermula dengan kemasukan 20 ekor kambing dengan bermodalkan RM12,000”  
*Hisyamuddin Mohamad*

yang lumayan.

“Setelah, penternakan semakin berkembang barulah saya berani mengambil pinjaman daripada bank untuk meluaskan lagi perniagaan ini.

“Secara purata, sebanyak 300 hingga 400 ekor kambing dan bebiri boleh dijual manakala bagi pembiakan pula, saya mempunyai 70 ekor kambing dan bebiri untuk dibiakkan,” katanya.

Hisyamuddin berkata, permintaan terhadap kambing dan bebirinya sangat tinggi apabila menjelang Aidiladha serta cuti sekolah dimana pada ketika itu, ramai orang akan melaksanakan kenduri.

“Permintaan kepada kambing yang diternak saya bukan saja di Kedah tetapi melangkaui sehingga Perak, Pulau Pinang dan Perlis.

“Saya tempatkan 150 ekor kambing dan bebiri di kandang transit yang berkeluasan 14 x 4.6 meter manakala bagi 300 ekor kambing dan bebiri yang disediakan untuk dibiakkan pula diletakkan dalam kandang berkeluasan 6.5 x 2.7 meter.

“Kambing dan bebiri ini pula akan saya diberikan makanan seperti dedaun waktu pagi dan rumput liar dan kekacang pada tengah hari dan petang,” katanya.

Katanya, dia melihat penternakannya ini mampu untuk berkembang dengan lebih besar yang mana dia rurut mempunyai perancangan untuk melaksanakan pelancongan tani atau ‘agro-tourism’ di kawasan itu.